




Cosmograph Daytona

Oyster, 40 mm, emas kuning

**Oyster Perpetual
Cosmograph Daytona
dalam Emas kuning 18
karat dengan
permukaan meteorit dan
hitam dan rantai
Oysterflex, mempunyai
bezel Cerachrom hitam
dengan skala takimetri.**



PERMUKAAN METEORIT

Aloi dari angkasa lepas

Model ini merupakan satu-satunya Cosmograph Daytona dengan permukaan meteorit. Meteorit datang dari pusat asteroid atau mungkin juga dari planet yang telah meletup, menyebabkan bahan itu tersebar ke seluruh Sistem Suria, sehingga memasuki orbit planet kita dan akhirnya ditarik masuk ke Bumi oleh graviti.

Semasa perjalanan, pusat meteorit itu berubah secara beransur-ansur dan menghasilkan corak metalik yang sangat luar biasa disebabkan oleh penyejukan teras asteroid yang sangat perlahan.

Para pereka di Rolex mengambil konfigurasi ini dalam penciptaan khazanah yang unik untuk beberapa model yang berprestij, termasuk model Cosmograph Daytona ini.




SKALA TAKIMETRI

Kronograf berprestasi tinggi

Bahagian utama identiti model ialah bezel yang dibentuk dengan skala takimetri untuk mengukur kelajuan purata hingga 400 batu atau kilometer sejam. Menggabungkan teknologi tinggi dengan estetika anggun, bezel hitam mengingatkan kita pada model 1965 yang dipasangkan dengan sisipan bezel Plexiglas hitam.

Bezel Cerachrom monoblok dalam seramik berteknologi tinggi menawarkan beberapa

kelebihan: tahan kakisan, betul-betul tahan calar dan warna tidak terjejas oleh sinaran UV. Bezel yang sangat tahan lama ini turut menawarkan skala takimetri yang sangat mudah dibaca hasil pemendapan lapisan nipis platinum pada angka dan senggatan melalui proses PVD (Pemendapan Wap Fizikal). Bezel Cerachrom monoblok diperbuat dalam satu kepingan tunggal dan menegapkan kristal dengan kuat pada penutup tengah bagi memastikan kekalisan air.



RANTAI OYSTERFLEX

Sangat tahan lasak dan tahan lama

Cosmograph Daytona versi emas 18 karat dengan bezel Cerachrom boleh didapati dengan rantai Oysterflex. Dibangunkan oleh Rolex dan dipatenkan, rantai ini secara unik menggabungkan ketahanan rantai logam dengan keselesaan rantai elastomer.

Rantai ini terdiri daripada dua bilah logam melengkung yang fleksibel – satu dalam setiap bahagian rantai – dibentuk dengan elastomer

hitam berprestasi tinggi. Untuk memberikan keselesaan optimum, rantai Oysterflex dilengkapi dengan kusyen di bahagian dalam dan pengancing keselamatan Oysterlock untuk mengelak daripada terbuka. Panjang rantai boleh dilaraskan melalui sistem sambungan Glidelock Rolex yang bijak.



EMAS KUNING 18 KARAT

Komitmen untuk mencapai kecemerlangan

Dengan mengendalikan faundri eksklusif sendiri, Rolex mempunyai keupayaan yang tiada tandingan untuk menghasilkan aloi emas 18 karat yang berkualiti tinggi. Mengikut perkadaran perak, tembaga, platinum atau paladium yang ditambahkan, pelbagai jenis emas 18 karat boleh diperolehi: kuning, merah jambu atau putih.

Emas 18 karat ini diperbuat hanya daripada logam yang paling tulen dan diperiksa dengan teliti di makmal dalaman dengan menggunakan kelengkapan yang paling canggih sebelum emas dihasilkan dan dibentuk dengan perhatian sama yang cermat dan teliti terhadap kualiti. Komitmen Rolex terhadap kecemerlangan bermula daripada sumbernya.

Lagi butiran teknikal Cosmograph Daytona

Rujukan 126518LN

Penutup Model

Jenis

Oyster, 40 mm, emas kuning

Diameter

40 mm

Bahan

Emas kuning

Bezel

Bezel Cerachrom monoblok hitam dalam seramik dengan skala takimetri teracu.

Seni Bina Oyster

Penutup tengah monoblok, penutup belakang diskrukan dan putaran jam

Putaran Jam

Diskrukan, sistem kalis air tiga kali ganda Triplock

Kristal

Nilam tahan calar

Kekalisan Air

Kalis air hingga 100 meter / 330 kaki

Gerakan

Jenis

Perpetual, kronograf mekanikal, automatik

Ketepatan

-2/+2 saat/hari, selepas penutup dipasang

Kaliber

4131, buatan Rolex

Pengayun

Pegas rambut Parachrom biru paramagnetik. Penyerap kejutan Paraflex berprestasi tinggi

Pemutaran

Dwiarah automatik melalui rotor Perpetual

Rizab kuasa

Lebih kurang 72 jam

Fungsi

Jarum jam dan minit tengah, jarum saat kecil pada pukul 6. Kronograf melalui jarum saat tengah, pembilang 30 minit pada pukul 3 dan pembilang 12 jam pada pukul 9. Penghentian jarum saat untuk tetapan masa yang tepat

Rantai

Jenis

Oysterflex

Bahan Rantai

Pembentukan acuan fleksibel bilah logam dengan elastomer berprestasi tinggi

Pengancing

Pengancing keselamatan Oysterlock lipat dengan sistem sambungan Glidelock Rolex

Permukaan

Jenis

Meteorit dan hitam

Butiran

Paparan Chromalight yang sangat mudah dibaca dengan pendarkilau biru tahan lama

Pensijilan

Jenis

Kronometer Superlatif (COSC + pensijilan Rolex selepas penutup dipasang)

Terokai dan temui lebih lanjut di Rolex.com

**Semua hak milik intelek seperti tanda
dagangan, tanda perkhidmatan, nama
dagang, reka bentuk dan hak cipta
terpelihara.**

Tiada apa-apa yang terkandung dalam
laman web ini boleh diterbitkan tanpa
kebenaran bertulis. Rolex berhak
mengubah suai model yang dipaparkan
pada laman web semasa pada setiap
masa.

